



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA  
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**SEMPENA  
MAJLIS PELANCARAN BENIH PADI IS21**

**DI  
SUNGAI LEMAN, SEKINCHAN, SELANGOR**

**PADA  
20 NOVEMBER 2021 (SABTU)  
10.30 PAGI**

## **SALUTASI**

Bismillahirrahmanirrahim,

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Keluarga Malaysia,**

- 1. YANG AMAT BERHORMAT DATO' SRI ISMAIL SABRI  
BIN YAAKOB, PERDANA MENTERI;**
- 2. YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI AMIRUDIN BIN  
SHARI, DATO' MENTERI BESAR SELANGOR;**
- 3. YANG BERHORMAT DATUK SERI DR. RONALD  
KIANDEE, MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI  
MAKANAN;**
- 4. YANG BERHORMAT TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR,  
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN  
KOPERASI;**
- 5. YANG BERHORMAT TUAN NG SUEE LIM, SPEAKER  
DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR;**
- 6. YANG BERHORMAT TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI;**
- 7. YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI  
SELANGOR;**
- 8. YANG BERBAHAGIA KETUA-KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN;**

- 9. YANG BERHORMAT AHLI- AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR;**
- 10. PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN SERTA;**
- 11. SELURUH KELUARGA MALAYSIA YANG DIKASIHI.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya kita dapat bersama pada pagi ini bagi menyaksikan **Majlis Pelancaran Benih Padi IS21** oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob sebentar sahaja lagi.
2. MOSTI merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas kesudian hadir melancarkan Benih Padi IS21 yang telah dibangunkan oleh Agensi Nuklear Malaysia.

**Hadirin yang dihormati,**

3. Sebelum saya mulakan ucapan pada pagi ini, pertama sekali, ayuh sama-sama kita berikan tepukan paling gemuruh kepada para pesawah dan petani yang banyak berjasa dalam menyokong dan meningkatkan tahap sara diri padi negara.
4. Sebagai Keluarga Malaysia, kalau sehari tak makan nasi, umpama tak lengkap rasanya. Itulah yang sering diungkapkan kerana nasi cukup sinonim sebagai makanan ruji Keluarga Malaysia yang terdiri daripada masyarakat

majmuk berbilang bangsa. Sudah pasti nasi yang sedap datangnya daripada beras yang baik, dan beras yang baik hasilnya datang daripada benih padi yang berkualiti.

5. Di sinilah MOSTI memainkan peranan untuk memantapkan penyelidikan teknologi agromakanan agar bergerak seiring dengan pertumbuhan ekonomi serta mentransformasikan negara daripada status pengguna teknologi kepada pembangun teknologi.

**YAB Dato' Sri dan Keluarga Malaysia yang dikasihi,**

6. Dalam menyokong Aspirasi Keluarga Malaysia, benih padi IS21 yang bakal dilancarkan YAB Perdana Menteri sebentar lagi adalah selaras dengan Agenda Sekuriti Makanan Negara.
7. Usaha membangunkan benih padi menggunakan teknologi baharu yang dijalankan secara usahasama rakan industri ini telah membuka peluang perusahaan dan pekerjaan yang amat memberangsangkan kepada penduduk Sekinchan dan sekitarnya.
8. Ini merupakan contoh hasil penyelidikan daripada makmal ke pasaran (*lab to market*). Usaha penyelidikan ini dapat

memacu pertumbuhan ekonomi, meningkatkan kesejahteraan Keluarga Malaysia serta memperkasakan sekuriti dan nutrisi makanan.

**Hadirin yang dihormati,**

9. Secara umumnya, masih ramai yang kurang menyedari bahawa teknologi nuklear memainkan peranan besar dalam penambahbaikan hasil tanaman. Bukan sekadar menghasilkan baka tumbuhan yang lebih baik dan bermutu, teknologi nuklear juga mampu membasmi serangga perosak dengan menghalang pembiakannya.
10. Menerusi teknologi nuklear, banyak kepelbagaian tanaman baharu dapat dihasilkan yang bukan sahaja tahan penyakit, malah cepat matang dan memberikan hasil pulangan yang lebih tinggi kepada para pesawah dan petani. Selain itu, sektor lain yang turut mendapat manfaat daripada teknologi nuklear ini adalah bidang perubatan, bioteknologi, alam sekitar, industri dan pembuatan.
11. Penjelasan ini diharap dapat merungkai persoalan berhubung penggunaan teknologi nuklear serta memberi kelegaan kepada masyarakat terhadap keselamatan bahan dan produk agromakanan hasil daripada R&D teknologi nuklear.

**Keluarga Malaysia yang dikasihi,**

12. Suka saya kongsikan di sini bahawa Agensi Nuklear Malaysia turut menjalankan R&D menggunakan kaedah analisis isotop untuk mengenalpasti tahap kesuburan tanah, kualiti air permukaan dan bawah tanah, serta pemantauan kesuburan tanaman.
13. Terdapat juga beberapa produk lain yang dihasilkan menggunakan teknologi nuklear antaranya produk baja seperti Biofertilizer M99, GoGrow-BioPNK dan BioLiquifert. Selain itu, produk lain adalah oligokitosan yang berfungsi meningkatkan kualiti pertumbuhan padi serta pelbagai tanaman. Terdapat juga produk tiang lada hitam biokomposit yang menggunakan bahan nano-hibrid biokomposit daripada sisa perladangan.

**YAB Dato' Sri dan hadirin yang dihormati,**

14. Berbalik kepada tujuan asal kita berada di sini iaitu bagi memperkenalkan IS21. IS21 merupakan antara pencapaian terbaik kajian biak baka mutasi di Malaysia serta mempunyai ciri-ciri agronomi yang sangat diperlukan dalam industri padi

negara bagi mencapai matlamat sekuriti makanan negara yang dihadapi kini.

15. Antara fokus utama dalam pelaksanaan biak baka mutasi tanaman ini adalah menggunakan kaedah mutagenesis sinaran bagi menghasilkan benih baru tanaman yang mempunyai daya tahan yang lebih baik.
16. Untuk makluman YAB Dato' Sri dan para hadirin semua, projek penyelidikan dan pembangunan varieti padi IS21 ini telah pun bermula sejak tahun 2005 dengan kerjasama daripada pelbagai pihak antaranya Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, MARDI dan Jabatan Pertanian. Ujian *distinctness*, *uniformity* dan *stability* bagi varieti ini telah dijalankan oleh Jabatan Pertanian pada tahun 2015 yang membawa kepada pensijilan *Plant Variety Protection*.
17. Kemudiannya, pada tahun 2016, Agensi Nuklear Malaysia telah memperoleh dana di bawah program *Malaysia Social Innovation* atau lebih dikenali dengan MySI yang mana ujian multilokasi (*Multi Location Trial*) dan ujian penentusahan tempatan (*Local Verification Trial*) telah dijalankan bersama komuniti pesawah padi di Pendang, Kedah dan di beberapa lagi lokasi jelapang padi utama di Malaysia.

18. Dari segi penerimaan dan pengesahan mutu, sukacita saya kongsikan di sini bahawa varieti padi IS21 ini telah mendapat bantuan teknikal daripada Agensi Tenaga Atom Antarabangsa atau IAEA. Pada tahun ini juga, varieti padi ini telah diluluskan di peringkat Jawatankuasa Dasar Bantuan Kerajaan kepada Industri Padi dan Beras yang telah mengiktiraf varieti padi ini sebagai benih padi sah negara dan dimasukkan dalam skim subsidi padi. Melalui subsidi ini, pesawah boleh mendapatkan benih padi varieti ini pada harga RM35 untuk 20kg.

**YAB Dato' Sri dan Keluarga Malaysia yang dikasihi,**

19. Di kesempatan ini juga, mewakili MOSTI, saya merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yang telah memudah cara pembangunan benih padi ini sehingga lulus dan akhirnya dapat digunakan secara sah oleh para pesawah di Malaysia. Semoga benih padi IS21 ini menjadi antara legasi kepimpinan YAB Dato' Sri.
20. Sebelum mengakhiri ucapan ini, izinkan saya menghadiahkan serangkap pantun:

Beras segantang telah pun disukat,  
Lalu disimpan di gerobok lama,

Andai Keluarga Malaysia terus muafakat,  
Lebih banyak kejayaan dapat dilakar bersama.

**Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah,  
wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.**